

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 1 TAHUN 2024**

Tarikh : 18 Januari 2024 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi - 11.50 pagi
Tempat : Laman Kenanga, Aras 1
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JANUARI 2024

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Januari 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang pertama bagi tahun 2024. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar mengalu-alukan kedatangan delegasi daripada Gunwi County Council, Korea yang bersama-sama menyaksikan perjalanan Mesyuarat Penuh MBSJ.
- ii) Seterusnya Datuk Bandar berkongsi amanat yang disampaikan oleh Pemimpin Kerajaan iaitu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming yang telah menyampaikan amanat tahun baharu 2024 pada 23 Januari 2024, hari Selasa bertempat di Dewan Kristal, Bangunan KPKT. Majlis ini turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada Pihak Berkuasa Tempatan dari seluruh negara secara bersemuka serta dalam talian.

YB Menteri telah menyampaikan amanat agar warga kerja perlu sentiasa jelas bahawa falsafah kepimpinan adalah berlandaskan Rukun Negara. Empat fokus utama bagi tahun 2024 ialah;

- a) Mengutamakan kesejahteraan rakyat dengan menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni, selesa dan selamat.

- b) Menyediakan infrastruktur yang dapat meningkatkan kebahagiaan rakyat. Sebanyak 5,196 projek prasarana awam telah siap dibina pada tahun 2023 dan sasaran lebih daripada 5,000 projek akan dilaksanakan pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM784 juta. Selain itu, inisiatif tandas BMW iaitu Bersih, Menawan dan Wangi akan terus dipergiatkan dengan pelaksanaan tandas pintar (*smart toilet*).
- c) Perancangan bandar yang lestari. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan *National Circular Economy Council* (NCEC) dan bakal dipengerusikan oleh KPKT.
- d) Mewujudkan Kerajaan Tempatan yang responsif dan di senangi oleh rakyat. Bagi mengukuhkan fungsi kerajaan tempatan, KPKT mensasarkan pelaksanaan '*One Stop Centre*' (OSC) 3.0 Plus di Pihak Berkuasa Tempatan yang bertaraf Bandar Raya dan Majlis Perbandaran. OSC *online* merupakan sistem elektronik untuk membuat penyerahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan yang melibatkan pemohon seperti perancang bandar, arkitek dan jurutera.

Selain itu juga, arahan bagi mengekalkan warisan sejarah akan dikeluarkan agar tidak dilupakan oleh generasi di masa hadapan serta larangan menebang pokok akan dibuat selaras dengan prinsip persekitaran mampan kecuali pokok tersebut membahayakan keselamatan awam.

YB Menteri turut memberi penekanan kepada kepentingan kerjasama yang kuat dalam pasukan bagi memastikan kejayaan yang lebih tinggi. Justeru, setiap warga kerja perlu berganding bahu mencapai tahap kecekapan dan kualiti yang tinggi melalui tiga elemen utama penentu kejayaan iaitu :

- a) Perancangan tersusun;
- b) Pelaksanaan yang cepat; dan
- c) Pelan komunikasi berkesan.

Setiap warga kerja perlu sentiasa mempunyai tahap integriti yang tinggi dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan agar organisasi terus cemerlang.

- iii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan kejayaan MBSJ mengenakan kompaun kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan.

Pada 17 Januari 2024 yang lalu, seramai 5 orang termasuk Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) Main Place, USJ 21, Subang Jaya telah dikompaun oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) kerana kegagalan mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) Perbadanan Pengurusan (MC) ke-2 pada tahun 2021 dan AGM ke-3 pada tahun 2023 mengikut tempoh yang ditetapkan.

Kompaun yang dikeluarkan selaras dengan sub perenggan 10(2), Jadual Kedua, Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang menjelaskan AGM perlu diadakan sekali dalam setiap tahun dengan syarat tidak lebih daripada 15 bulan. Selain itu, JMB Main Place turut dikompaun atas kegagalan memfailkan bon kepada Pesuruhjaya Bangunan oleh kerana telah melantik pengurus harta tidak berdaftar dari tahun 2017 hingga 2019. Ia selaras dengan subperaturan 21(5), Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015, Akta 757.

Susulan itu, tiga kertas siasatan telah dibuka dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Izin kompaun telah diberi dan Orang Kena Kompaun (OKK) telah dikompaun di bawah Jadual Pertama, Kesalahan Yang Boleh Dikompaun, Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengkompauan Kesalahan) 2019, dibaca bersama sub seksyen 135(2) Akta 757, Pesuruhjaya boleh mengkompaun dengan suatu amaun wang yang tidak melebihi 50% daripada denda maksimum dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis.

Sehubungan dengan itu, notis tawaran kompaun sebanyak RM 25,000.00 bagi setiap kesalahan telah dikeluarkan kepada setiap Ahli Jawatankuasa (AJK) JMB/MC Main Place yang terlibat. OKK diberi tempoh selama 14 hari untuk menjelaskan bayaran kompaun. Jika tiada pembayaran dibuat tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap OKK. Jika disabitkan boleh didenda tidak

melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh 3 tahun atau kedua-duanya sekali bagi setiap kesalahan selaras dengan sub peraturan 34(2) dan sub peraturan 21(5), Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015.

Majlis Bandaraya Subang Jaya menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang berjaya mengkompaun Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di atas kegagalan mengadakan AGM selaras Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan peraturan-peraturan dan kegagalan memfailkan bon kepada Pesuruhjaya Bangunan.

MBSJ menyeru kepada semua JMB dan MC melaksanakan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta 757 bagi mengelakkan tindakan kompaun dan pendakwaan di Mahkamah. AGM amat penting untuk diadakan memandangkan mesyuarat tersebut merupakan medium utama kepada semua pemilik pembangunan berstrata untuk berbincang dan membuat ketetapan serta resolusi bagi memastikan aspek pengurusan dan penyenggaraan bangunan strata dapat dilaksanakan dengan teratur serta dapat membantu mereka untuk menyelesaikan isu-isu pengurusan yang berbangkit. Pemfailan bon kepada Pesuruhjaya Bangunan juga penting bagi memastikan tadbir urus JMB dan MC dijalankan dengan baik.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa, pada 13 Disember 2023, Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju terhadap semakan semula pelaksanaan pengecualian Cukai Taksiran bagi kategori rumah kos rendah dan rumah kampung serta fi lesen perniagaan penjaja kecil, pasar malam dan pasar tani di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bagi tahun 2024 seperti berikut :
- a) Bersetuju agar pengecualian Cukai Taksiran kategori kediaman kos rendah diteruskan bagi tahun 2024;
 - b) Bersetuju agar pengecualian Cukai Taksiran kediaman kampung diberikan secara bersasar bermula tahun 2024 dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - Pemilik pegangan yang mempunyai keluasan kurang dari 2,000 kaki persegi sahaja;
 - Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di negeri Selangor;
 - Pendapatan bulanan isi rumah adalah RM 5,000.00 dan ke bawah (bagi yang telah berkahwin, ini adalah termasuk pendapatan pasangan yang bukan merupakan warganegara);
 - Pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun atau satu rumah sahaja; dan
 - Hanya pemilik harta yang berdaftar sahaja boleh memohon.
 - c) Bersetuju pengecualian fi lesen ditamatkan mulai 1 Januari 2024.

Oleh itu, pemilik kediaman Rumah Kampung dalam kawasan pentadbiran MBSJ yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh mengemukakan permohonan melalui kaedah berikut:

- a) Mengisi Borang Permohonan Pengecualian yang akan dimuat naik dalam laman web Majlis Bandaraya Subang Jaya;
- b) Mengemukakan permohonan sebelum 31 Mei pada setiap tahun. Permohonan yang di terima selepas 31 Mei, tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak;
- c) Dokumen-dokumen sokongan yang perlu disertakan seperti berikut :
 - Salinan kad pengenalan pemohon (pemilik harta);
 - Salinan kad pengenalan pasangan;
 - Salinan Geran Hakmilik / Perjanjian jual beli yang terlibat dalam permohonan;
 - Salinan bil air bagi mengesahkan alamat harta yang didiami;
 - Salinan slip gaji yang disahkan oleh Ahli Majlis Perwakilan Penduduk / Penghulu / Ketua Kampung;
 - Pengesahan pendapatan (sekiranya tiada salinan slip gaji) yang disahkan oleh Ahli Majlis Perwakilan Penduduk / Penghulu / Ketua Kampung; dan
 - Gambar pegangan bangunan (terkini) yang dimohon pengecualian Cukai Taksiran.

Bil Cukai Taksiran untuk tahun 2024 akan dipos kepada pemilik kediaman Rumah Kampung selewat-lewatnya pada akhir bulan Februari 2024 memandangkan pengecualian Cukai Taksiran telah

diberikan sejak tahun 2016. Pemilik diminta untuk menjelaskan terlebih dahulu tunggakan Cukai Taksiran. Setiap pemohon hanya layak memohon pengecualian Cukai Taksiran untuk satu rumah sahaja.

- v) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Majlis Perasmian Roundabout@Putra Heights akan diadakan pada 2 Februari 2024, hari Jumaat bertempat di Dataran MPP Zon 7, Jalan Putra Mahkota 7/4, Putra Heights, Subang Jaya.

MBSJ juga mendapat jalinan kerjasama dan komitmen daripada rakan sinergi bagi membantu usahawan mikro di Negeri Selangor meningkatkan hasil jualan dengan konsep tempat makan terbuka. *Projek Placemaking* Dataran MPP Zon 7 merupakan komitmen MBSJ untuk mengubah, menambahbaik, menjenamakan semula kawasan hijau yang terbiar menjadi hub perniagaan setempat yang kondusif dan menjadi penggerak kepada nadi pembangunan ekonomi tempatan.

Konsep penyediaan Tapak Roundabout@Putra Heights ini merupakan satu daripada usaha MBSJ untuk membentuk "*community engagement*" yang menjadi teraju pengurusan dan perancangan di MBSJ sekaligus menyokong Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bagi memenuhi keperluan dan daya tahan yang kukuh pada masa hadapan ke arah pencapaian aspirasi Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur menjelang tahun 2025.

Tapak ini diadakan bertujuan untuk menghidupkan lagi suasana malam sedia ada dan mampu menggiatkan lagi aktiviti ekonomi sekali gus mewujudkan satu lokasi tumpuan sebagai lokasi riadah dan istirehat kepada kaum keluarga.

Aktiviti Tapak Roundabout@Putra Heights seperti berikut:

Bil	Perkara	Keterangan
i.	Hari	Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad sahaja
ii.	Masa	4.00 petang - 12.00 tengah malam
iii.	Lokasi	Dataran MPP Zon 7, Jalan Putra Mahkota 7/4, Putra Heights, Subang Jaya
iv.	Konsep Niaga / Jenis Jualan	i) Jualan Makanan
		ii) Jualan Minuman
		iii) 30 Kereta Mainan Elektrik
		iv) 10 Basikal Mainan Elektrik
		v) <i>Buskers</i> / Pemuzik Jalanan
		vi) Live Bands
		vii) Soopa Doopa besar
		viii) <i>Soopa Doopa kecil</i>
		ix) Keretapi Tarik
v.	Jumlah Peniaga	peniaga

- vi) Datuk Bandar turut berkongsi maklumat berkenaan Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) MBSJ edisi pertama bagi tahun 2024 yang akan dilaksanakan pada 4 Februari 2024, hari Ahad bertempat di lokasi baharu iaitu Taman Komuniti Putra Heights, Jalan Putra Mahkota 7/4 bermula jam 6 pagi hingga jam 11 pagi. Pada tahun ini,

sebanyak empat edisi program yang akan dilaksanakan iaitu pada 4 Februari 2024, 12 Mei 2024, 4 Ogos 2024 dan 20 Oktober 2024.

Pada edisi kali ini, pelaksanaan program akan melibatkan jabatan dalaman MBSJ dengan pelbagai aktiviti baharu akan diperkenalkan seperti Sukan Rakyat (congkak, lari dalam guni dan sepak penalti berkain pelikat / batik), Sepak Raga Bulatan Challenge, Kids Obstacle Challenge, Demonstrasi Kawalan Jauh (RC Helicopter), Fitness Challenge, Eco Free Market dan Eco Explorace. Selain itu beberapa aktiviti turut diteruskan seperti Acara Kayuhan Santai (Urban 30 KM Ride), Pertandingan Memanah, Pertandingan mewarna kanak-kanak, aktiviti larian dan berjalan, Bazar Sarapan, Pasar Karloot, Perkhidmatan Kaunter Bergerak Hasil MBSJ, Kaunter Mesra Rakyat, Pameran Jabatan dalaman MBSJ serta agensi luar dan juga cabutan bertuah kepada para pengunjung.

Kepada pengunjung yang beragama Islam, anda juga diseru untuk bersama-sama mengimarahkan Masjid Putra Heights dan menjayakan kempen #gengsubuhmacamjumaat.

Orang ramai digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam kerana lokasi ini adalah berdekatan dengan Stesen LRT Putra Heights. Komitmen dan sokongan komuniti ke arah bandar raya mampan dan rendah karbon sangat dihargai.

- vii) Datuk Bandar berkongsi berkenaan *Focus Group Discussion* (FGD) siri 2 bagi penghasilan laporan '*Voluntary Local Review*' (VLR) dan *SDG's Subang Jaya City Roadmap*.

Sustainable Development Goals (SDG) telah menggariskan 17 matlamat Pembangunan Mampan yang merupakan agenda sejagat yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak bagi menambahbaik dan meningkatkan kualiti kehidupan serta persekitaran masyarakat. Terdapat 3 dimensi utama di dalam SDG iaitu Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar dan 5 fokus utama iaitu manusia, bumi, kesejahteraan, keadilan dan kerjasama.

MBSJ melalui Jabatan Perancangan Bandar dalam proses untuk menghasilkan dua laporan iaitu :

- a) *Voluntary Local Review 2024*
- b) *SDG's Subang Jaya City Roadmap*

Penyediaan laporan VLR 2024 dan SDGs Subang Jaya *City Roadmap* akan menyaksikan kerjasama antara pihak Urbanice Malaysia yang dilantik oleh MBSJ sebagai rakan strategik. MBSJ telah mengadakan sesi FGD siri 2 pada 23 Januari 2024, hari Selasa bertempat di Laman Kenanga yang dihadiri oleh pegawai penyelaras setiap jabatan dalaman MBSJ dan pihak Urbanice Malaysia.

Tujuan sesi Focus Group Discussion (FGD) siri 2 adalah untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai penyelaras untuk menganalisa data dan membentangkan inisiatif-inisiatif jabatan berkaitan *Sustainable Development Goals* (SDG) supaya penentuan pencapaian SDG dapat dihasilkan dengan lebih terperinci serta mencapai matlamat MBSJ sebagai Pihak Berkuasa Tempatan terunggul bertaraf antarabangsa berteraskan bandaraya mampan yang bestari, kota niaga dan kediaman idaman.

- viii) Datuk Bandar juga berkongsi maklumat berkenaan Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan MBSJ tahun 2024. MBSJ telah menyediakan sebanyak 25 lokasi Bazar Ramadan pada tahun ini yang melibatkan 1,560 petak seperti berikut:

Bil	Zon	Jumlah Lokasi Bazar Ramadan	Jumlah Petak	Jumlah Permohonan
i.	Subang Jaya	6	300	278
ii.	Kinrara	2	160	129
iii.	Puchong	8	470	375
iv.	Putra Heights	2	60	20
v.	Serdang & Seri Kembangan	7	570	365
Jumlah Keseluruhan		25	1,560	1,167

Satu sesi cabutan undi petak Bazar Ramadan MBSJ tahun 2024 telah diadakan pada 22 dan 26 Januari 2024 di Learning Centre,

Aras 3 MBSJ. Sebanyak 14 lokasi bazar Ramadan sahaja yang terlibat dalam sesi cabutan undi petak bazar pada kali ini.

MBSJ akan mengadakan Karnival dan Taklimat Bazar Ramadan selama 3 hari mengikut zon bermula 20 hingga 22 Februari 2024 bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, Taman Puchong Indah.

Tarikh	Zon
20 Februari 2024 (Selasa)	<ul style="list-style-type: none">▪ Subang Jaya▪ Kinrara
21 Februari 2024 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none">▪ Puchong▪ Putra Heights
22 Februari 2024 (Khamis)	<ul style="list-style-type: none">▪ Serdang▪ Seri Kembangan

- ix) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Pada minggu epid ke 4 tahun 2024 MBSJ telah mencatatkan sebanyak 1090 kumulatif kes demam denggi dan sebanyak 15 lokaliti hotspot dikenalpasti. Kawalan wabak seperti pemeriksaan demam denggi, larvasiding dan pengwasapan dijalankan bagi mengekang penularan wabak.

Sebanyak 88 kawalan pemeriksaan tempat pembiakan yang melibatkan 4696 premis telah dijalankan. Selain itu sebanyak 67 aktiviti *larvasiding*, 50 semburan pengwasapan serta 73 semburan ULV turut dilaksanakan di kawasan wabak demam denggi.

Penduduk diminta menjalankan kempen 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat pembiakan bagi memastikan tiada takungan air yang boleh menjadi punca pembiakan Aedes. Selain itu, pihak komuniti turut digalakkan menjalankan aktiviti gotong royong bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat.

- x) Datuk Bandar mewakili seluruh warga kerja MBSJ juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina yang akan disambut pada hari Sabtu, 10 Februari 2024 dan tahun ini merupakan Tahun Naga mengikut kalendar lunar Cina.

Mengikut kepercayaan kaum Cina, naga dikaitkan dengan kekuatan, kesihatan, harmoni dan tuah. Dalam budaya Cina, tahun Naga adalah tahun yang paling bertuah dan paling digemari ibu bapa untuk melahirkan anak.

Semoga sambutan ini membawa kemakmuran, keharmonian, kesejahteraan, keceriaan, kebahagiaan dan kesihatan serta tuah kepada semua. Perpaduan dan keharmonian ini adalah tanda kemegahan sebenar Malaysia. Semoga ia diraikan dengan penuh gembira oleh seluruh rakyat Malaysia.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2023

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2023 bertarikh 22 Disember 2023 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2023

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2023 bertarikh 22 Disember 2023 (Jumaat) disahkan dengan cadangan seperti berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.6 & m/s 1	Puan Lee Jen Uyin	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.12/2023 bertarikh 14 Disember 2023	Beliau mencadangkan supaya dibuat satu bengkel bagi membincangkan dan mencari kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah anjing liar. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan satu bengkel bagi membincangkan dengan lebih lanjut penyelesaian masalah anjing liar. Tindakan : Jabatan Kesihatan

6.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS MENGANGKAT SUMPAN DAN MENANDATANGANI WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS DAN PENUBUHAN JAWATANKUASA, PENENTUAN BIDANG TUGAS SERTA PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI PENERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2024-2025

Minit Mesyuarat Majlis Mengangkat Sumpah dan Menandatangani Watikah Pelantikan Ahli Majlis dan Penubuhan Jawatankuasa, Penentuan Bidang Tugas Serta Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Penerus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Penggal 2024-2025 bertarikh 18 Januari 2024 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

7.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

7.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan Dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 24/2023 bertarikh 20 Disember 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**7.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang
Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 17 Januari 2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.1 & m/s 41	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Serentak : Kebenaran Merancang (Tambahan dan Ubahsuai) + Pelan Bangunan Kertas kerja : 01/01/05/2024 (Mtrustee Berhad)	Beliau memohon penjelasan berkenaan permohonan tambahan dan ubahsuaian dalaman Subang Parade berkenaan bilangan tempat letak kereta samada mencukupi atau tidak bagi menampung pertambahan ruang lantai tersebut. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa bilangan tempat letak kereta sedia ada yang disediakan pemaju adalah melebihi 70 unit tempat letak kereta. Tambahan ini hanya

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				melibatkan tambahan 5 tempat letak kereta daripada 70 tempat letak kereta dan masih terdapat lebih 65 unit daripada keseluruhan petak. Makluman

7.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 23 Januari 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 24 Januari 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.4 & m/s 11	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Laporan Skim Kemudahan Perkhidmatan Perubatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi tahun 2022 dan 2023	<p>Beliau memohon perkara berikut :</p> <p>i) <i>Scaling</i> gigi dimasukkan dalam skop rawatan pergigian yang dibenarkan untuk tuntutan bayaran.</p> <p>ii) Semakan semula bagi kadar rawatan pesakit luar kategori bujang yang diperuntukkan sebanyak RM 750.00 setahun kerana tuntutan untuk pembelian cermin mata adalah menggunakan peruntukan yang sama.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Khidmat Pengurusan membuat kajian dan membentangkan kertas mesyuarat bagi cadangan tersebut.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Khidmat Pengurusan</p>
2.	Para 7.2.1 & m/s 25	Encik Thamilarasu a/l	Pemasangan CCTV	Beliau memohon supaya Majlis mencari kaedah terbaik untuk menjayakan pemasangan cctv bagi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Sanday an		<p>memenuhi janji Majlis kepada rakyat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Teknologi Maklumat membuat kajian terperinci berkenaan penyelesaian terhadap pemasangan cctv dan melaporkan dalam mesyuarat dalam usaha menyegerakan pemasangan cctv di kawasan yang telah dipersetujui.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan Teknologi Maklumat</p>

7.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 24 Januari 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2024 bertarikh 29 Januari 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim, wakil daripada Parti AMANAH.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.50 pagi.

Tarikh Disediakan : 2 Februari 2024

" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;




(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' HJ. MOHD FAUZI BIN HJ. MOHD YATIM), D.S.I.S, S.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Hj. Mohd Fauzi Bin Hj. Mohd Yatim, D.S.I.S, S.M.S- Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat

HADIR (AHLI MAJLIS)

3. Puan Lee Jen Uyin - Ahli Majlis
4. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu
5. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
8. Encik Thomas Low Yew Sin - "
9. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
10. Puan Ng Seow Chen - "
11. Encik Thong Kim Fatt - "
12. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
13. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Tuan Ir. Balachandran Naicker | - | " |
| 15. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 18. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 19. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 20. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Puan Gunasunthari a/p Kanniappan | - | " |
| 23. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 24. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 25. | Encik Saidin bin Awang | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|--|
| 26. | Tuan Hj. Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan |
| 27. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 28. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |

29. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
30. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
31. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
32. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, Ceo
Pengarah, Jabatan Pelesenan
33. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
34. Ts.Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
35. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
37. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
38. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
39. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. TPr Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
41. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan

42. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
43. Tuan Hj. Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
44. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
45. Puan Noryana binti Samsudin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
46. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUSETIA

47. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
49. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

50. YBrs.Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N, P.J.K.
Timbalan Setiausaha
51. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC